

Headline	Bimbang tragedi berulang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	55,56	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	1146 cm ²
Journalist	ZULFADLISHARIFUDIN	AdValue	RM 22,650
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,950



A large black pipe runs diagonally across the upper portion of the image, descending from the top right towards the bottom left. It is positioned on a steep, rocky hillside. In the background, several multi-story residential buildings are visible, built on the hillside. The hillside itself appears to be under construction or maintenance, with exposed earth and some greenery.

Undang malapetaka

JANGAN sampai tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa dan Highland Towers berulang.” Demikian luahan kira-kira 2,000 penduduk di De Puncak Ukay, Ukay Perdana, Kuala Lumpur yang mahu pembinaan 500 unit rumah teres dua tingkat di kawasan cerun bukit berhampiran kediaman mereka dihentikan.

Selain faktor keselamatan, pelbagai masalah seperti kejadian paip pecah, tanah runtuh, bekalan elektrik terputus dan kehadiran haiwan liar ekoran penebangan pokok timbul sejak pelaksanaan projek berkenaan, lapor ZULFADLI SHARIFUDIN.

MUKAS

A man in a yellow shirt is riding a motorcycle in the foreground, facing away from the camera. A blue street sign above him reads "JALAN UP 3/7".

Headline	Bimbang tragedi berulang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	55,56	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	1146 cm ²
Journalist	ZULFADLISHARIFUDIN	AdValue	RM 22,650
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,950



PENDUDUK De Puncak Ukay membuat bantahan terhadap pembinaan rumah di kawasan cerun berhampiran perumahan mereka di Ukay Perdana, Ampang, Selangor baru-baru ini. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID

2,000 penduduk bantah pembangunan rumah di cerun bukit

Bimbang tragedi berulang

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN
utusankota@gmail.com

■ AMPANG JAYA 6 NOV.

SERAMAI 2,000 penghuni di De Puncak Ukay, Ukay Perdana di sini berdepan risiko tanah runtuh akibat pembangunan projek perumahan di kawasan cerun bukit di Jalan UP3/1 berhampiran kediaman mereka.

Pengerusi Persatuhan Penduduk De Puncak Ukay, Zaini Ramli berkata, pihak pemaju akan mendirikan sebanyak 500 unit kediaman teres dua tingkat setengah di kawasan cerun bukit itu yang dikhuatiri mengancam keselamatan penduduk setempat.

Jelasnya, projek pembinaan itu telah dimulakan sejak tiga tahun lalu namun terhenti selama kira-kira dua tahun dan diteruskan semula sejak enam bulan lepas.

"Sepanjang projek ini dijalankan banyak masalah berlaku



ZAINI RAMLI

seperti kejadian paip pecah, tanah runtuh, bekalan elektrik terputus dan kehadiran haiwan liar akibat penebangan pokok.

"Penduduk hairan bagaimana pemaju mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dengan mudah sedangkan pembinaan itu bakal mengundang bahaya kepada penduduk," katanya kepada pemberita semasa bantahan bersama lebih 100 penduduk berhubung isu berkenaan, baru-baru ini.

Menurut Zaini, persatuan penduduk telah menghantar surat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) supaya turun padang bagi melihat risiko projek berkenaan.

"Kami mahu pihak KPPT melihat sendiri keadaan cerun supaya kajian semula dapat dijalankan. Kami memberi tempoh selama dua minggu hingga 21 hari kepada kementerian berkenaan," katanya.

KEADAAN cerun berhampiran tapak pembinaan yang boleh mengundang malapetaka.



Tambahnya, jika kemelut itu tidak dapat diselesaikan, penduduk akan membawa perkara

berkenaan kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
100 days (100 days)	1	0	RM 0
Construction Industry Development Board (CIDB) (Industry News -	10	0	RM 0
Department of Environment (DOE) (Department Of Environment	4	0	RM 0
Eastern & Oriental Berhad - Industry News (Eastern & Oriental	2	0	RM 0
Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) (Majlis Perbandaran	3	0	RM 0
Malaysia General Election (Malaysia General Election)	1	0	RM 0
Ministry of Housing and Local Government (Ministry of Housing and	1	0	RM 0
Prime Ministers Department (Prime Ministers Department)	2	0	RM 0
REHDA Industry News (REHDA Industry News)	2	0	RM 0
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Tun Dr. Mahathir bin Mohamad)	1	0	RM 0
Water Industry (Water Industry)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	'Gatal tangan' korek tanah ban		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	07 Nov 2018	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	12	ArticleSize	172 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 6,750
Journalist	N/A	PR Value	RM 20,250
Frequency	Daily		



TINDAKAN penduduk menceroboh ban jadi punca air naik di Jalan Benteng dan Jalan Kenangan dari Sungai Kapar.

Klang

'Gatal tangan' korek tanah ban

Tindakan segelintir penduduk menceroboh dan merosakkan ban sedia ada dipercayai punca paras air naik di Jalan Benteng dan Jalan Kenangan di sini, semalam.

Difahamkan, mereka yang 'gatal tangan' itu sengaja mengorek tanah di ban berkenaan tanpa diketahui tujuan berbuat demikian.

Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Klang, Samsol Maarif Saibani berkata, keadaan itu diburukkan dengan hujan lebat sehingga air pasang mencatatkan paras tertinggi iaitu 5.3 meter pada jam 4.53 pagi.

"Kejadian itu menyebabkan air Sungai Kapar melimpah di kawasan berdekatan sehingga dinaiki air pada paras satu meter.

"Setakat ini, tiada arahan pemindahan dibuat dan penduduk terjejas hanya keluar dari rumah menunggu air surut.

"Paras air pasang akan mencecah 5.4 meter pada jam 5.35 pagi esok (hari ini), manakala ia dijangka setinggi lima meter pada jam 5.59 petang," katanya.

Kata Samsol Maarif, pihaknya bersama agensi lain terus menjalankan pemantauan di lokasi kejadian dan akan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penceroboh ban sungai itu.

"Menceroboh ban satu perbuatan tidak bertanggungjawab dan ia mengakibatkan penduduk lain menerima kesan buruk.

"Ban dibuat bagi menahan air melimpah dan hujan lebat serta fenomena air pasang memburukkan lagi keadaan jika ia rosak," katanya.

Beliau menasihatkan penduduk terjejas mengambil langkah berjaga-jaga dan peka dengan arahan pihak berkuasa.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Jabatan Bomba Dan Penyelamat)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	20 keluarga sambut perayaan ala kadar		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	07 Nov 2018	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	12	ArticleSize	250 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 9,811
Journalist	N/A	PR Value	RM 29,433
Frequency	Daily		



KALAIRASU melihat keretanya yang sempat dipindahkan ke tempat lebih tinggi.

ANTARA penduduk yang bersiap sedia hadapi banjir kilat di Taman Daya Meru, semalam.

20 keluarga sambut perayaan ala kadar

Klang: Sambutan Deepavali bagi penduduk beragama Hindu di Taman Daya Meru di sini, bertukar suram dan kurang meriah apabila kawasan itu dilanda banjir kilat petang kelmarin.

Kira-kira 20 keluarga di taman perumahan itu hanya menyambut perayaan Deepavali ala kadar malah ada yang tidak dapat meraikannya kerana air melimpah dalam kediaman mereka.

Tinjauan NSTP mendapati ada yang

mengeluh kerana rumah yang dikemas dan dihias sempena Deepavali sejak pagi kelmarin kotor kerana dinaiki air pada sebelah petang.

Penduduk, S Kalairasu, 37, berkata, dia sekeluarga beraya tanpa pakaian baru dan masih dalam keadaan berjaga-jaga berikutkan cuaca tidak menentu.

"Ini tahun ketiga berturut-turut kawasan rumah saya dilanda banjir dan lebih malang, ia berlaku ketika sambutan Deepavali.

"Kami sudah membuat struktur lantai yang lebih tinggi, namun bimbang setiap kali hujan kerana air

naik dengan cepat," katanya.

Bagi penduduk, N Rajeswari, 55, keluarga mereka tidak dapat berpindah ke mana-mana kerana perlu menjaga seorang ahli keluarga yang sakit.

"Kami hanya mampu berdoa tiada kejadian buruk berlaku dan bersiap sedia pada bila-bila masa sekiranya rumah dinaiki air," katanya.

Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Klang, Samsol Maarif Saibani berkata, pihaknya menjalankan pemantauan berterusan di daerah ini termasuk di Jalan Kenangan, Jalan Benteng

dan Taman Meru.

"Semua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) bersiap-siaga di semua lokasi bagi menghadapi kemungkinan fenomena air pasang," katanya.

Sementara itu, Jurucakap Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) berkata, kejadian banjir kilat turut berlaku di Taman Meru Makmur 2, malam kelmarin.

"Namun, tiada pusat pemindahan dibuka setakat ini dan tindakan susulan akan dilakukan selain menyampaikan maklumat terkini kepada orang ramai," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Jabatan Bomba Dan Penyelamat)	2	0	RM 0
Media Prima Bhd (New Straits Times Press (M) Berhad)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Kampung Seri Sentosa dinaiki air lagi		
MediaTitle	Kosmo	Color	Black/white
Date	07 Nov 2018	Circulation	155,996
Section	Negara	Readership	467,988
Page No	17	ArticleSize	116 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 1,529
Journalist	N/A	PR Value	RM 4,587
Frequency	Daily		



Kampung Seri Sentosa dinaiki air lagi

KUALA SELANGOR – Seorang bayi lelaki antara 41 penduduk dari Kampung Seri Sentosa di sini dipindahkan ke pusat pemindahan selepas rumah mereka ditenggelami air akibat hujan lebat selama empat jam kelmarin.

Kesemua penduduk daripada 12 buah keluarga itu ditempatkan di Dewan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Desa Coalfields yang dibuka mulai pukul 11.50 malam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd. Noor berkata, penduduk yang dipindahkan terdiri daripada 12 lelaki, perempuan (11), kanak-kanak (9), warga emas

lelaki (8) dan seorang bayi lelaki.

“Banjir dipercayai berlaku akibat limpahan air dari sungai berdekatan selepas hujan lebat pada pukul 8 malam,” katanya di sini semalam.

Sebelum ini, kampung yang sama dilanda banjir membabitkan 25 mangsa yang dipindahkan ke Masjid At Taufiqiyah pada 11 Oktober lalu.

Sementara itu, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dalam satu kenyataan berkata, beberapa kawasan turut dilanda banjir akibat hujan lebat sejak pukul 4 petang kelmarin.

Menurutnya, antara kawasan dinaiki air ialah Jalan Persiaran Puncak Alam, Kuala Selangor, Jalan Benteng dan Jalan Kenangan, Klang.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Daerah Kuala Selangor (Majlis Daerah Kuala Selangor)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	12 keluarga terpaksa pindah		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	07 Nov 2018	Circulation	160,000
Section	Selangor & KL	Readership	509,000
Page No	17	ArticleSize	270 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 4,606
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	PR Value	RM 13,817
Frequency	Daily		



12 keluarga terpaksa pindah



Kawasan rendah di Kampung Seri Sentosa dinaiki air sejak jam 8 malam, kelmarin.

Rumah dinaiki air susulan hujan lebat, 41 penduduk terjejas

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

IJOK

Hujan lebat lebih sejam menyebabkan 12 keluarga di kawasan rendah di Kampung Seri Sentosa, di sini terpaksa dipindahkan selepas rumah mereka dinaiki air sejak jam 8 malam, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, paras air dilaporkan di tahap bahaya.

"Seramai 41 mangsa banjir termasuk lapan warga emas dan 10 kanak-kanak itu dipindahkan ke Dewan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Desa Coalfields.

"Pusat pemindahan dibuka pada jam 11.50 malam dan mangsa banjir sehingga kini masih belum dibenarkan pulang berikutan paras air masih belum surut," katanya.

Sebelum ini, kampung yang sama pernah dilanda musibah banjir pada 11 Oktober lalu membabitkan 25 mangsa banjir yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Banjir Masjid At Taufiqiyah.

info

Paras air di Kampung Seri Sentosa naik mendadak sehingga paras 1.5 meter

Shamsul Shahril Badliza yang juga Daerah Kuala Selangor berkata, hujan lebat menyebabkan paras air meningkat dan naik mendadak di kawasan rendah.

"Paras air di Kampung Seri Sentosa dilaporkan naik mendadak sehingga paras 1.5 meter, menyebabkan penduduk diarahkan berpindah demi keselamatan mereka," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Daerah Kuala Selangor (Majlis Daerah Kuala Selangor)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Cadang cukai inap desa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	380 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,482
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,446



Cadang cukai inap desa

Bantu MDSB jana sumber pendapatan tambahan

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dicadang mengekan cukai terhadap semua pengusaha inap desa di daerah ini sama pengusaha hotel.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, MDSB perlu mencari kaedah dan pendekatan bagi ‘memutihkan’ semua inap desa yang beroperasi melalui bayaran cukai bertujuan membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) itu menjana sumber pendapatan tambahan pada masa depan.

“Pengusaha (inap desa) tak boleh hanya mengaut keuntungan semata-mata, sebaliknya harus berkorban melangsangkan tanggungjawab masing-masing,” katanya.



MDSB dicadang mengekan cukai taksiran kepada semua inap desa di daerah ini.

Suee Lim yang juga Speaker Dun Selangor berkata, pada masa ini terdapat lebih 150 inap desa di daerah yang terkenal sebagai kawasan agro pelancongan di negeri ini.

“Mengikut rekod yang saya ada,

PBT tidak mengenakan sebarang lesen kepada semua inap desa.

“Ini menimbulkan rasa tak puas hati kepada pengusaha hotel yang berdaftar dan membayar pelbagai cukai kepada MDSB, tetapi inap



info

Turut dicadangkan ialah kutipan cukai taksiran yang dikecualikan selama tiga tahun lalu ke atas kampung tradisi, bagan, kampung baru

dan daerah ini,” katanya.

Suee Lim berkata, selain itu dalam usaha meningkatkan pendapatan MDSB, beliau mencadangkan kutipan cukai taksiran yang dikecualikan selama tiga tahun lalu kepada kampung tradisi, bagan dan kampung baru dikembalikan semula.

Keistimewaan ini saya kira sudah memadai. Kita dah beri tiga tahun dan sudah sampai masanya untuk rakyat berkorban memulihkan semula pendapatan MDSB,” katanya.

Malah, katanya, kadar cukai taksiran itu juga perlu disemak semula berikutnya tidak pernah dinaikkan sejak 20 tahun lalu.

“Semakan kenaikan ini harus dilakukan untuk menjana hasil tambahan kepada MDSB,” katanya.

Inilah tak adil dalam persaingan menjana industri pelancongan di daerah ini.”
- Ng Suee Lim

desa dikecualikan, sedangkan mereka juga ada yang mendapat keuntungan tetapi tidak perlu membayar cukai, lesen dan sebagainya.

“Ini adalah tak adil dalam persaingan menjana industri pelancon-

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT))	3	0	RM 0
Pihak Berkuasa Tempatan Selangor (Pihak Berkuasa Tempatan)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A